

# **Amalan Berwasiat Cara Terbaik Mengurus Harta Pusaka**

## **Umat Islam di Malaysia**

Mustafa Bin Sareh, BSCHE (Toledo), MBA (Ballarat)

Pelajar Jurusan Kedoktoran Pengurusan Perniagaan

Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, UUM Sintok, Kedah, Malaysia

### **Pengenalan**

Islam bermaksud berserah kepada tuhan dalam semua keadaan, mengabdikan diri kepadanya dan mentaatinya dalam segala urusan. Islam adalah agama yang paling lengkap dan sempurna yang membimbing kehidupan manusia di dunia dan menyediakan manusia untuk menghadapi hidup di akhirat. Segala peraturan kehidupan manusia telah ditetapkan oleh Allah di dalam Al-quran, dan diterangkan oleh Nabi Muhamad S.A.W melalui Al-sunah dan di jelaskan dengan lebih terperinci oleh para ulamak Islam melalui Ijmak Ulamak, Al-ijtihad, dan Qias.

Peraturan Islam meliputi keseluruhan kehidupan manusia dari kelahiran sehinggalah kematian. In termasuklah hubungan social, politik, ekonomi, moral, harta, ilmu dan segalanya yang melibatkan manusia. Konsep Islam boleh dibahagikan kepada tiga unsur utama iatu; *akidah, syariah dan akhlak*. *Akidah* adalah kepercayaan kepada Allah dan takwa kepadanya. Ia di jelaskan lagi dengan lebih terperinci dalam rukun iman. *Syariah* pula meliputi, amalan akhirat dan amalan keduniaan. Amalan akhirat antaranya melaksanakan solat lima waktu, puasa pada bulan ramadan, membayar zakat, menunaikan haji, mengerjakan umrah, sedekah dan amalan sunat yang lain. Amalan keduniaan seperti, berkeluarga, bersukan, berniaga, kerja, dan ketaatan kepada Allah

dalam menjalani kehidupan harian. Semua amalan jika dilaksanakan dengan ikhlas juga mendapat pahala dan dikira ibadat kepada Allah. *Akhlak* adalah perbuatan baik, budi bahasa dan keikhlasan hati dalam melaksanakan kehidupan harian di dunia walau apa sekali keadaan, semasa menghadapi musibah dan semasa menikmati kemewahan. Islam mengalakkan hambanya berkerja dan mencari kekayaan seolah-olah mereka akan hidup selama-lamanya dan beribadat seolah-olah mereka akan mati pada esok hari nya.

Dalam Islam hukum syarak dibahagikan kepada lima tahap iatu; *Wajib, Sunat, Harus, Makruh dan Haram*. Setiap insan Islam hendaklah metaati dan memahami hukum Islam dalam menjalani kehidupan harian masing-masing, terutamanya dalam melaksankn urusan perniagaan dan berinterksi dengan masyarakat. Perniagaan adalah satu urusan yan melibatkan masyarakat dan kegiatan yang amat penting dalam Islam.

Perniagaan adalah sumber rezeki terbesar yang sangat penting bagi insan yang berhasrat untuk meguasai kemewahan harta didunia. Menuntut ilmu perniagaan adalah sangat dituntut dalam Islam. Kekayaan di dunia merupakan jambatan kepada kejayaan diakhirat Menyertai sesuatu perniagaan adalah fardu kifayah dalam Islam. Perniagaan adalah urusan antara manusia yang amat penting dalam memenuhi keperluan kehidupan harian manusia. Keperluan manusia bolehlah dibahagikan kepada lima tahap utama. Moslow (1943) berpendapat ada lima tahap keperluan manusia iatu keperluan psikologi, keperluan keselamatan, keperluan sosial, keperluan esteem dan keperluan spiritual.

Kotler, Brown, Adam and Armstrong ( 2004) menjelaskan yang manusia perlu memenuhi keperluan taraf pertama sebelum memenuhi keperluan taraf kedua dan seterusnya. Keperluan taraf pertama adalah keperluan psikologi adalah seperti makan, minum, tidur, rehat dan sebagainya. Keperluan taraf kedua adalah keselamatan seperti

rumah, pakaian, kesihatan, topi keledar dan berbagai keperluan keselamatan. Keperluan taraf ketiga adalah keperluan sosial seperti kasih sayang, berkerja dan bermasyarakat. Keperluan taraf keempat adalah keperluan esteem seperti pangkat, kegemaran, keahlian kelab, membeli barangan mewah. Manakala keperluan terakhir adalah keperluan spiritual seperti beribadat, membuat wasiat, mengerjakan umrah, haji dan sebagainya (Kotler, Brown, Adam & Armstrong, 2004).

Prinsip perniagaan Islam pula mestilah mengikut hukum Islam ia itu ; tidak melibatkan sebarang unsur riba dan tiada unsur perjudian. Perniagaan yang mempunyai unsur riba dan unsur perjudian hukumnya haram dan wajib dielakkan. Islam dalam mengurus perniagaan mengambil kira kepentingan semua lapisan masyarakat dan dalam Islam berniaga adalah satu ibadat. Menyertai perniagaan wasiat juga adalah satu ibadat dan amalan yang sangat murni. Ia sama seperti mengembangkan syiar Islam, wasiat adalah sesuatu yang diwajibkan kepada semua umat Islam. Memberi kesedaran kepada saudara-saudara kita sesama Islam tentang kepentingan wasiat adalah satu ibadat yang sangat murni.

### **Amalan Berwasiat**

Amalan berwasiat dari segi hukum syariah adalah wajib (“Hukum,” 2009). Ia nya selaras dengan hadis Nabi Muhamad S.A.W yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah bermaksud “tidak boleh tidur seorang insan islam melainkan dia menulis wasiat disisinya” menulis wasiat adalah amalan murni yang entah kenapa telah diabaikan oleh lebih 99% umat Islam di Malaysia. Tidak kiralah dari apa golongan; guru, pelajar, ulama, professional, perkerja, perniaga, usahawan, artis, pegawai kerajaan, peneroka, nelayan, askar, polis, atau orang kampung. Semuanya tidak mengerti pentingnya

berwasiat. Akibatnya sebanyak sejuta kes tanah pusaka di Malaysia bernilai RM38 billion masih tidak dapat diselesaikan kerana masalah pewarisan dan musykilnya 90% daripadanya adalah milik orang Islam. Begitu juga halnya dengan KWSP, wang simpanan di bank-bank dan saham-saham di busar saham Malaysia milik orang Islam yang masih belum dituntut (Hukum,” 2009). Kenapakah orang-orang Islam begitu bebal dan tidak mendengar nasihat Rasulullah S.A.W. atau mengambil ringan perkara berwasiat kerana merasakan dirinya tidak berharta.

Bila berlaku kematian harta pusaka yang ditinggalkan samada terbiar begitu sahaja, tergadai, atau menjadi rebutan pewaris kepada si mati. Perkara in menjadi semangkin sulit apabila simati tidak meninggalkan wasiat. Harian Metro (2009) ibu tunggal yang kematian suami sebelas tahun yang lalu tiba-tiba diberitahu yang rumah pusaka peninggalan suami akan dilelong kerana rumah pusaka tersebut masih berhutang dengan bank yang jumlah tertunggaknya berjumlah RM283,000-00 termasuk kadar feadah pinjaman overderaf yang pada mulanya hanya RM58,000-00 sebelas tahun yang lalu. Harta pusaka tersebut perlu dilelong untuk memlunaskan hutang simati. Inilah akibat tidak mengikut cara Islam dalam membuat pinjaman dan melibatkan diri dalam pinjaman yang berunsurkan riba, yang ditegah oleh Islam yang sudahnya membawa celaka kepada diri sendiri dan waris-waris.

Berita seperti ini selalu terpapar didada akbar, malangnya ia masih tidak memberi kesan dan kesedaran kepada umat Islam di Malaysia. Apakah mereka masih buta hati? Tidak mungkin mereka tidak mampu kerana dokumen Wasiat Amanah Raya hanya RM350-00 dan penyimpanan wasiat pula adalah percuma seumur hidup. Wasiat boleh dibuat semasa hidup dan hanya insan yang terpilih dan hatinya dibuka oleh Allah akan

membuatnya semasa hidup. Kerana wasiat adalah produk yang memenuhi keperluan spiritual, keperluan manusia paling atas sepertimana yang diterangkan oleh Maslow dalam *Theory of Human Motivation* (Maslow, 1945), oleh itu tidak heranlah jumlah jumlah manusia yang berwasiat adalah sangat sedikit.

Bila berlaku kematian ramai rakyat Malaysia tidak kira agama berfikir harta yang ditinggalkan adalah milik waris mereka secara automatik (“Writing a Will” 2009). Tidak dapat dinafikan harta pusaka tersebut akan jadi milik waris-waris mereka, tetapinya ianya melalui proses yang panjang dan kosnya sangat mahal. Dokumen wasiat dapat mempercepatkan pembahagian pusaka dan kos pengurusan pusaka menjadi sangat murah (“Writing a Will” 2009).

Bagi menjamin kejayaan hidup di dunia dan di akhirat setiap insan mengikut Islam perlulah menjaga hubungan sesama insan dan perhubungan dengan Allah. Perhubungan sesama insan boleh dibaiki dengan melaksanakan segala amanah yang diberikannya oleh Allah samada dalam bentuk harta atau kuasa semasa menjalani kehidupan di dunia. Harta dan kuasa adalah lebih kepada keduniaan dan keimanan pula menjurus kepada kehidupan akhirat. Harta dan kuasa adalah yang amanah Allah berikan kepada insan terpilih (Ahmad, 2009). Oleh itu Islam mewajibkan hambanya menulis wasiat (“Islamic Will,” 2009).

Insan dilahirkan ke dunia dengan tidak memiliki sebarang harta dan kuasa, begitu juga semasa mengalami kematian segala harta dan kuasa tidak ada gunanya lagi. Kehidupan harian adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan gemilang oleh setiap insan bagi menjamin sejahterann di akhirat kelak. Semasa kita hidup kita merancang untuk mengembangkan dan menggunakan harta dengan melabur, berniaga dan membayar

zakat. Setelah mati harta kita hendaklah dibahagikan kepada waris-waris kita dengan cara yang baik mengikut lunas Islam (Ismail, 2007).

Penulisan wasiat adalah satu cara penyerahan harta dan kuasa kepada waris-waris bila menghadapi kematian. Oleh kerana hanya kita sahaja yang tahu tentang diri kita, harta-harta yang kita miliki dengan menulis wasiat dapatlah kita menyenaraikan semua harta-harta kita dan membahagikannya kepada semua waris-waris kita supaya harta-harta yang ditinggalkan dapat di manfaatkan. Sareh (2009) berpendapat menulis wasiat merupakan tindakan mulia untuk menzahirkan keinginan pewasiat terhadap pembahagian harta yang dikumpulkan semasa hidup agar ianya dapat diagihkan kepada keluarga tersayang dan juga bagi tujuan kebajikan.

Sareh (2009) juga menjelaskan kandungan wasiat seharusnya menyentuh perkara-perkara seperti, pesanana kepada yang masih hidup, nama-nama waris; ibu, bapa, pasangan, anak lelaki dan anak perempuan, tanah, rumah, polisi insuran, saham-saham, bank akaun, KWSP, senarai hutang, hasil penulisan, cara pembahagian yang terbaik ialah mengikut hukum faraaaid, pembahagian harat bagi tujuan kebajikan, kos pengurusan pusaka, perlantikan wasi, hak penjagaan anak yang dibawah umur, dan perlantikan pemegang amanah.

Menulis wasiat banyak feadahnya, bukan sekadar mengikut sunah malah ianya dapat memudahkan pengurusan pusaka, menjamin masa depan insan yang disayangi dengan pembahagian yang dihasratkan, menjaga kepentingan anak-anak bawah umur yang selalunya tidak di jaga kepentingankan jika ditinggalkan tanpa wasiat, mengurangkan beban yang harus ditanggung oleh waris-waris bagi menyelesaikan harta pusaka.nya jika ditinggalkan tanpa wasiat Sareh (2009).

Memandangkan kebanyakan kita akan menjadi orang yang pertama dalam susur jalur keturunan kita yang menulis wasiat, selalunya kita akan merasa keberatan untuk menulis wasiat sebab ada banyak salah faham dalam masyarakat kita di Malaysia kerana kekurangan dan ketidak fahaman ilmu pengurusan pusaka. Insyaallah Allah akan membuka hati kita dan kita akan mula menulis wasiat dan dapat merasakan kemanisan sunah junjungan nabi kita Muhammad S.A.W dan kita dapat menikmati keindahan ajaran Islam.

### **Harta Pusaka & Pengurusan Pusaka**

Harta pusaka adalah harta milik orang yang telah mati. Abdul Rahman (2006) dalam bukunya ada menceritakan dengan teliti cara-cara pengurusan harta pusaka mengikut Islam atau cara mengikut undang-undang sivil untuk orang-orang bukan Islam di Malaysia. Dalam Islam harta pusaka hendaklah dibahagikan mengikut hukum faraid kepada waris-waris si-mati ("Hukum," 2009). Mengikut istilah syarak Faraid adalah pembahagian harta pusaka selepas kematian seseorang Islam yang telah ditetapkan dibawah hukum Syarak ke atas waris-waris yang sah dan layak. Waris yang layak adalah keluarga simati seperti ibu kepada simati, bapa kepada simati, pasangan kepada simati, anak lelaki simati dan anak perempuan simati. Harta-harta yang dibahagikan kepada waris-waris adalah yang ditinggalkan setelah ditolak segala urusan pembiayaan pengurusan jenazah, hutang-hutang pewasiat samada dalam bentuk agama (zakat, nazar, haji, dan fidyah) atau hutang kepada manusia, contohnya hutang bank, cukai, bil elektrik, cukai pintu dan menunaikan wasiat yang dibenarkan contohnya sedekah kepada masjid dan pemberian kepada anak-anak yatim.

Sekiranya Faraid diabaikan dikhuatiri akan berlaku; memakan harta anak yatim, memakan harta saudara mara dan memakan harta baitulmal. Contohnya seorang isteri menggunakan wang peninggalan suami untuk membeli makanannya. Didalam wang tersebut terdapat hak anak-anak beliau yang telah menjadi yatim kerana kematian ayah. Bekas isteri tadi telah memakan hak anak-anak nya yang telah menjadi yatim, azab nya sangat pedih di akhirat kelak akibat memakan harta anak yatim tanpa disedari (“Hukum,” 2009).

Wasiat dapat membantu memudahkan pengurusan pusaka dan mengelak berlaku pertelingkahan dan perselisihan faham diantar waris-waris kerana merbut harta pusaka. Lebih malang dan amat menyedihkan kerana ketiadaan ilmu ada waris-waris yang menyebut Allah tidak adil dalam menentukan bahagian faraid (“Hukum,” 2009). Pembahagian harta pusaka mengikut keadah dan perlaksanaan Islam adalah cara yang paling baik dan sangat adil serta systematik kerana Allah sebagai pencipta manusia mengetahui dimana letaknya kekurangan dan kelebihan dalam diri manusia itu sendiri. Oleh itu pengurusan pusaka mengikut cara Islam adalah yang terbaik untuk semua manusia terutamanya umat Islam.

Dengan berwasiat harta pusaka dapat dibahagikan dengan lebih cepat dan kosnya pengurusan pusaka menjadi lebih murah, ini memudahkan waris dan mengurangkan beban mereka menuntut harta pusaka yang ditinggalkan melalui proses berokrasi yang panjang. Oleh itu penulisan wasiat adalah langkah terbaik dan sangat bijak insan yang beragama Islam mengikut sunnah nabi Muhamad S.A.W. yang kita cintai.

Sebuah syarikat besar yang bernilai RM50 juta mengalami kesulitan akibat pemegang saham terbesarnya mati tanpa wasiat, cek syarikat tidak dapat ditandatangani,

dan semua urusan bayaran tertunggak, bagi melantik pemegang saham baru waris perlu mendapatkan Surat Pentadbiran, dari Mahkamah yang mengambil masa antara enam bulan ke tiga tahun (“Sukarnya,” 2009). Jika anda berkerja dengan syarikat seperti ini sanggup kah anda berkerja tanpa gaji selama 6 bulan atau lebih? Jika anda si mati sanggup kah anda menanggung hutang dan beban di alam kubur? Buat lah wasiat selagi masa masih ada.

### **Kesimpulan**

Menulis wasiat adalah adalah bukti tanda kasih pada waris. Insan dilahirkan sebagai kalifah di muka bumi dengan tujuan hidup di dunia untuk mengabdikan diri kepada Allah dan mencari rezeki bagi membina keluarga. Adalah wajar harta yang dicari semasa hidup didunia diserahkan kepada waris dengan segera, cara yang begitu sempurna melalui pelaksanaan wasiat bila berlaku kematian kelak.

Dokumen wasiat hanya boleh dilaksanakan apabila pewasiat telah mati, itu sebabnya wasiat adalah tanda kasih kita pada waris kerana wasiat adalah produk yang waris kita akana merasa kebaikkannya setelah kita mati. Wasiat adalah produk tingkat kelima dan paling atas dalam teori Maslow. Menulis wasiat adalah satu tanggungjawab yang sangat penting bagi setiap insan yang masih hidup, tulislah wasiat semasa kita masih hidup sebelum datang hari kematian.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. F. (2006). *Bagaimana Mengurus Harta Pusaka*. Malayia: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Ahmad, K. (2009). Leadership and work motivation from the cross cultural perspective. *International Journal of Commerce and Management*, 19(1), 72-84.
- Hukum dan Kepentingan Faraid. 2009. *Pelan Pewarisan, Warisan Mukmin Sdn Bhd*. Retrieved from [http://www.warisanmukmin.com/pelan\\_pewarisan.htm](http://www.warisanmukmin.com/pelan_pewarisan.htm)
- Islamic Will Writing Services for Muslims. (2009). HSBC Amanah Malaysia. Retrieved from <http://www.hsbcamanah.com.my>
- Ismail, A. B. (2007). *Perancangan & Pengurusan Perwarisan Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Amanah Raya Berhad.
- Kotler, P., Brown, L. Adam, S., & Armstrong, G. (2004). *Marketing* (6<sup>th</sup> ed.). French Forest NSW, Australia: Pearson Education Australia.
- Mangsa bank cuai, ibu tunggal dakwa teraniya rumah bakal dilelong Khamis ini. (2009, August 25). [Harian Metro.] Copy in possession of Author.
- Moslow, A. H. (1943). Theory of Human Motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370-376.
- Sabirin, A. (2009). Sukarnya Selesaikan Harta Pusaka Seorang Usahawan. Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd. Retrieved from <http://www.wasiyyahshoppe.com.my>
- Samsudin, M. F., & Shafee, S. S. (2009, August 25). Mangsa Bank Chuai. *Harian Metro*.
- Sareh, M. B. (2009). Info Wasiat. Perfect Will Services. Retrieved from <http://www.wasiat.biz/index.php?view=infowasiat>
- Writing a Will. 2009. *Vital Wills*. Retrieved from <http://www.vitalwills.com>